



Ruj. Kami : USM.JB.HB.G.5/2016

Tarikh : 11 November 2016

Universiti Sains Malaysia
11800 USM Pulau Pinang
T: 04-653 3131 / 04-653 4288
F: 04-658 8205
E: bursar@usm.my
L: www.usm.my

Kepada:

Semua Ketua Pusat Tanggungjawab

HEBAHAN BENDAHARI 5/2016

PENYELARASAN SEMULA PELAKSANAAN CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN (GST) KE ATAS DANA PENYELIDIKAN FUNDAMENTAL KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Universiti melalui surat Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) bertarikh 30 Ogos 2016, telah menerima maklumat bahawa geran penyelidikan di bawah **Program Dana Penyelidikan Fundamental KPT perlu dikenakan GST** kerana geran ini tertakluk kepada syarat-syarat output yang telah ditetapkan.

3. Selaras dengan perkara tersebut, Dana Penyelidikan Fundamental KPT yang sebelum ini telah dikategorikan di bawah Aktiviti Penyelidikan (Tanpa Balasan) kini dikategorikan di bawah Aktiviti Penyelidikan (Dengan Balasan). Berikut merupakan perbandingan implikasi yang berlaku sebelum dan selepas penyelarasan percukaian dibuat:

Implikasi											
Sebelum Penyelarasan						Selepas Penyelarasan					
Aktiviti	Kod Kumpulan Wang	Kod Cukai Output	Kod Cukai Input	Cukai Output (Terimaan)	Cukai Input (Perbelanjaan)	Aktiviti	Kod Kumpulan Wang	Kod Cukai Output	Kod Cukai Input	Cukai Output (Terimaan)	Cukai Input (Perbelanjaan)
Penyelidikan (Tanpa Balasan)	203	OS	BL-R	• <u>Tiada</u> caj GST 6% dikenakan	• Bayaran GST <u>dicajkan</u> sebagai Belanja Cukai (Vot 52000)	Penyelidikan (Dengan Balasan)	203	SR	TX	• <u>Kenaan</u> termasuk GST 6% (<u>Inclusive GST 6%</u>)	• Bayaran GST <u>tidak dicajkan</u> sebagai Belanja Cukai
				• Dana diterima pada <u>amaun penuh</u>	• 6% daripada peruntukan sedia ada akan diagihkan untuk Belanja Cukai					• Dana diterima <u>selepas ditolak GST 6%</u>	• Universiti menuntut semula bayaran GST

4. Oleh itu, kenaan GST berkuatkuasa **serta merta** ke atas Dana Penyelidikan Fundamental KPT bagi semua projek baharu yang telah diluluskan **mulai 1 September 2016**. Maklumat yang dikemaskini boleh diperolehi dengan melayari Portal GST@USM di <http://bursary.usm.my/gst/index.php>.

5. Segala kerjasama dan perhatian yang diberikan amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
'Memastikan Kelestarian Hari Esok'

(DR. ROHAYATI MOHD ISA)
Bendahari

